

02/11/2002

Malaysia tidak berganjak (HL)

Misiah Taib

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kerajaan tidak akan berganjak dengan pendiriannya berhubung isu air dan menolak pandangan Singapura bahawa Malaysia tidak mempunyai hak untuk menyemak semula harga air berdasarkan Perjanjian Air 1961 dan 1962 antara kedua-dua negara.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, kenyataan terbaru Singapura yang turut mempertikaikan hak Malaysia dari segi undang-undang untuk melakukan semakan berkenaan, tidak akan mengubah pendirian Malaysia mengenai isu itu.

Sebaliknya Perdana Menteri berkata, jika Malaysia tiada hak dari segi undang-undang, mengapa Singapura sendiri yang mencadangkan supaya semakan harga air dilakukan.

"Saya tidak faham dengan Singapura. Lee Kuan Yew (Menteri Kanan Singapura) yang datang untuk berjumpa saya dan dia datang dua kali, untuk mencadangkan supaya harga air dinaikkan kepada 45 sen dan harga itu dikekalkan sehingga 2011. Kita pula kata harganya patut dinaikkan kepada 60 sen, 15 sen lebih tinggi.

"Dengan kata lain, dia menerima keperluan untuk menyemak harga air. Dia sendiri nampaknya sedar harga 3 sen bagi setiap 1,000 gelen yang ditetapkan pada 1927, bukan harga adil. Sekarang mereka kata kita tidak ada hak pula.

"Inilah masalah Singapura. Sehari mereka bercakap mengenai hendak mempertimbangkan untuk menyemak harga air. Hari berikutnya mereka kata tidak, tidak, tidak, tidak ada keperluan.

"Jika tidak ada keperluan, mengapa perlu kita berjumpa. Tidak perlulah berjumpa. Sekarang mereka cuba untuk lebih bergantung kepada aspek perundangan pula," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan perhimpunan agung pertama Puteri Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini petang ini.

Beliau mengulas kenyataan Menteri Luar Singapura, S Jayakumar bahawa republik itu akan mencabar setiap aspek dakwaan Malaysia berhubung hak untuk mengkaji semula Perjanjian Air 1961 dan 1962.

Jayakumar menegaskan pendirian republik itu di Parlimen Singapura bahawa Johor sepatutnya merujuk klausa kajian semula pada 1986 dan 1987, dan berikutan kegagalannya menggunakan hak berkenaan ketika itu, Johor hilang hak untuk mengkaji semula.

Dalam perjanjian 1961 yang ditandatangani oleh kedua-dua negara, Singapura berhak menerima 88 juta gelen air mentah sehari dari kawasan tadahan Pulai dan Sungai Tebrau di Johor hingga Ogos 2011, manakala bagi perjanjian 1962, republik itu menerima 50 juta gelen air sehari dari Sungai Johor hingga September 2061.

Dr Mahathir berkata, jika Singapura menganggap Malaysia tidak ada hak, Menteri Kanannya itu tidak sepatutnya datang berjumpa beliau untuk mengemukakan cadangan berkenaan dan berbincang mengenainya.

Perdana Menteri turut menjelaskan bahawa tindakan mengasingkan soal air daripada pakej penyelesaian beberapa isu tertangguh antara kedua-dua negara bertujuan membolehkan isu air diselesaikan dulu dan kerana tindakan Singapura yang sengaja melengahkan perbincangan jika isu air masih dalam pakej berkenaan.

"Mereka memikirkan bahawa kecuali jika isu air diselesaikan, kita tidak boleh bercakap mengenai isu lain. Kita kata, baiklah, mari bercakap mengenai isu air dan kita selesaikan isu air dulu, kemudian isu lain,"

katanya.

Mengenai tindakan seterusnya yang akan diambil Malaysia berikutan sikap berdolak dalik Singapura itu, Dr Mahathir berkata kerajaan terpaksa memikirkannya dulu.

Ditanya kemungkinan Malaysia membawa isu berkenaan ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) sebagai jalan penyelesaian terakhir, beliau berkata:

"Kita telah pergi ke Mahkamah Antarabangsa berhubung kes Pulau Batu Putih. Kita sudah bersedia tetapi pihak Singapura belum juga bersedia dengan kes mereka. Jadi perkara ini akan berterusan serta mengambil masa dan sementara itu harga air akan terus dijual dengan kadar 3 sen," katanya.

Dr Mahathir berkata, dunia mengakui ketidakadilan harga air yang dibayar Singapura kepada Malaysia selama ini iaitu 3 sen untuk setiap 1,000 gelen, malah ada menganggap ia tidak masuk akal.

"Saya bercakap dengan banyak orang termasuk di Jeddah hari itu. Ada seorang berkulit putih yang bertanya ketika saya cadangkan supaya (negara Arab) gunakan minyak sebagai senjata, apakah kita (Malaysia) menggunakan air sebagai senjata.

"Bila saya terangkan bahawa 3 sen adalah harga yang ditentukan pada 1927, dia ternganga. Baru dia faham ketidakadilan harga yang dibayar kepada Malaysia," katanya.